

Memelihara Hubungan Kekeluargaan

عَنْ مَالِكٍ عَنِ الزُّهْرِيِّ أَنَّ مُحَمَّدَ بْنَ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ أَخْبَرَهُ أَنَّ أَبَاهُ أَخْبَرَهُ
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ رَحِمٍ

Dari Malik dari az-Zuhri bahawa Muhammad bin Jubair bin Muth'im telah memberitahu kepadanya bahawa ayahnya (Jubair bin Muth'im) telah memberitahu kepadanya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Tidak akan masuk Syurga orang yang memutuskan silaturahim (hubungan kekeluargaan)."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2556)

<https://muftinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ أَصْمَاءَ الضُّبَعِيُّ حَدَّثَنَا جُوَيْرِيَةُ عَنْ مَالِكٍ عَنِ الزُّهْرِيِّ أَنَّ مُحَمَّدَ بْنَ جُبَيْرِ
بْنَ مُطْعِمٍ أَخْبَرَهُ أَنَّ أَبَاهُ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ رَحِمٍ

Maksudnya: Abdullah bin Muhammad bin Asma' Adh-Dhuba'i telah memberitahukan kepadaku Juwairiyah telah memberitahukan kepada kami, dari Malik dari Az-Zuhri bahawa Muhammad bin Jubair bin Muth'im dari ayahnya (Jubair bin Muth'im) telah memberitahu kepadanya bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturahim"

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2556)

Hadis ini menjelaskan bahawa perbuatan memutuskan hubungan kekeluargaan (silaturahim) adalah haram disisi Islam, bahkan Allah Subhanahu wata'ala melaknat orang melaksanakan perbuatan tersebut.

Firman Allah Taala:

وَالَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَٰئِكَ لَهُمُ اللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوءُ الدَّارِ ۝ ٢٥

Maksudnya: *“Dan (sebaliknya) orang yang melanggar janji Allah setelah diikrarkan dengan teguh dan memutuskan apa-apa yang diperintahkan Allah supaya dihubungkan dan mereka membuat kerusakan di muka bumi, maka mereka itulah yang memperoleh kutukan dan mendapat tempat kediaman yang buruk (Jahanam)”*.

(Surah ar-Ra'ad 13:25)

Banyak hadis yang menyebut tentang menjaga silaturahmi bahkan ia merupakan ciri-ciri orang yang beriman kepada Allah *Subhanahu wata'ala* untuk menjalin hubungan yang baik dengan keluarga, sebagaimana dalam sabda Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

...وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ
أَوْ لِيَسْكُتْ

Maksudnya: *“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka ikatkan lah silaturahmi, sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah dia memuliakan tetamu dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka berbicaralah yang baik atau diam”*.

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 6476)

Allah *Subhanahu wata'ala* juga memberi jaminan kepada hambaNya yang tidak memutuskan silaturahmi dengan ahli keluarganya seperti rezeki yang melimpah ruah dan umur yang panjang.

Sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ أَوْ يُنْسَأَ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ

Maksudnya: *“Siapa yang merasa gembira apabila diperluaskan rezekinya, atau dipanjang usianya, maka hendaklah dia menyambung hubungan kekeluargaan”*

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2557)

Seandainya ada dikalangan kita memutuskan hubungan silaturahmi atau diputuskan hubungan tersebut maka hendaklah segera bertaubat dan menyambungnyanya semula.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ لِي قَرَابَةً أَصْلُهُمْ وَيَقْطَعُونِي وَأَحْسِنُ إِلَيْهِمْ وَيُسِيئُونَ إِلَيَّ وَأَخْلُمُ عَنْهُمْ وَيَجْهَلُونَ عَلَيَّ، فَقَالَ: لَيْنَ كُنْتَ كَمَا قُلْتَ فَكَأَنَّمَا تُسْفِهُمُ الْمَلَّ وَلَا يَزَالُ مَعَكَ مِنَ اللَّهِ ظَهِيرٌ عَلَيْهِمْ مَا دُمْتَ عَلَى ذَلِكَ

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah radhiallahu 'anhu berkata: bahawa seorang lelaki berkata, Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku mempunyai kerabat yang aku terus menyambungnyanya, tetapi mereka selalu memutuskanku, aku berbuat baik kepada mereka, tetapi mereka sentiasa melukaiku, dan aku selalu mengambil berat kepada keperluan mereka, tetapi merasa buat-buat bodoh kepadaku. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: “Jika benar keadaanmu seperti apa yang kamu ucapkan itu, maka seakan-akan kamu meniupkan abu panas di muka mereka dan Allah sentiasa bersamamu untuk mengalahkan mereka selama engkau seperti itu.”*

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2558)

Oleh itu, apa yang perlu kita lakukan untuk memastikan hubungan kekeluargaan kita dalam keadaan baik diantaranya ialah:

1. Ikhlas dalam menjalin hubungan kekeluargaan tanpa ada tujuan lain.
2. Sentiasa berbuat baik sesama kaum kerabat kita dengan menziarahi dan sebagainya.
3. Membantu ahli keluarga (kaum kerabat) terlebih dahulu berbanding orang lain jika mereka memerlukan bantuan.
4. Mengambil sikap peduli tentang ahli keluarga kita dari sudut keperluan dan sebagainya.
5. Mendahulukan sedekah kepada ahli keluarga berbanding terhadap orang lain.

Sama-sama kita memohon kepada Allah Subhanahu wata'ala agar kita semua tergolong di kalangan orang yang tidak dimurkai-Nya disebabkan perbuatan memutuskan hubungan kekeluargaan (silaturahim). Wallahu 'alam.